

15 OCT 1998

Mahathir-Jepun

LAWATAN PALING SIBUK DR MAHATHIR KE JEPUN

Oleh: Azman Ujang

TOKYO, 15 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering ke Jepun tetapi apabila beliau tiba esok untuk lawatan kerja lima hari, Perdana Menteri akan mengikuti satu atur cara yang disifatkan "paling ketat" pernah disusun baginya.

Tan Sri Khatib Abdul Hamid, yang menjadi duta Malaysia di sini sejak sembilan tahun lepas, berkata beliau dan pegawai-pegawainya belum pernah mengatur program yang begitu sibuk untuk Dr Mahathir.

Beliau memberikan tiga sebab utama kenapa kedutaan Malaysia menerima begitu banyak permintaan daripada media, ahli-ahli perniagaan, tokoh cendekiawan dan pegawai kerajaan Jepun untuk menemui Perdana Menteri.

Sebab-sebab itu ialah tindakan Malaysia baru-baru ini memperkenalkan kawalan kewangan dan tukaran asing untuk melindungi ekonominya daripada ketidaktentuan luar, perkembangan politik ekoran pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kebimbangan Jepun mengenai hubungan Kuala Lumpur dengan Singapura.

Khatib memberitahu wartawan Malaysia bahawa walaupun ada syarikat-syarikat Jepun yang menyambut baik langkah kawalan kewangan Malaysia itu, terdapat juga mereka yang kurang pasti mengenai pemindahan keuntungan dan dividen kesan daripada peraturan itu.

Katanya ahli-ahli perniagaan terkemuka Jepun yang dijadual menemui Dr Mahathir dalam tempoh lima hari ini, ingin mendengar penjelasan daripada Perdana Menteri sendiri bagi mengetepikan sebarang keraguan berhubung pelaburan mereka di Malaysia.

Minat yang mendalam di kalangan media di sini dapat dilihat daripada program hari pertama lagi kerana Dr Mahathir akan ditemu bual oleh ketua pengarang lapan akhbar utama Jepun, agensi berita Kyodo dan NHK, perbadanan penyiaran Jepun.

Terdapat juga temu bual dengan organisasi media lain serta juga pertemuan dengan Keidanren, badan tertinggi mewakili sektor perniagaan Jepun selain perbincangan dengan Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi dan majlis menghadap Maharaja Akihito.

Bagaimanapun, kata Khatib, tujuan utama lawatan Dr Mahathir ialah bagi menghadiri Persidangan Antarabangsa Tokyo mengenai Pembangunan Afrika yang kedua (TICAD II) yang bermula Isnin ini.

Ia sebagai susulan kepada persidangan pada 1993 hasil inisiatif Jepun untuk menggiatkan pembangunan di kebanyakan negara Afrika yang mundur.

Dr Mahathir, penyokong kuat pembangunan Afrika menerusi kerjasama Selatan-Selatan, akan berucap pada persidangan itu yang dihadiri 10 ketua kerajaan dari Afrika.

Afrika sentiasa memang rapat dengan Malaysia dari dahulu lagi, bermula dengan penglibatannya dalam usaha Bangsa-bangsa Bersatu menjamin keamanan di Congo pada awal 1960an, dan sejak akhir-akhir ini di negara-negara seperti Somalia dan Mozambique.

Malaysia juga terlibat dalam pembinaan projek hidro elektrik di Tanzania, penanaman padi di Guinea, usaha sama TV3 menguruskan stesen TV swasta di Ghana, perusahaan balak di Gabon dan usaha sama pengeluaran minyak di Sudan.

"Kesan daripada usaha kita membantu negara-negara Afrika menerusi Program Bantuan Teknikal, saya sebagai duta Malaysia di sini, sangat dihormati oleh duta dari negara-negara Afrika," kata Khatib.

Mengenai perkembangan politik kesan daripada pemecatan Anwar enam

minggu lepas, beliau berkata pendirian rasmi Jepun ialah ia tidak campur tangan manakala media negara ini kebanyakannya bergantung kepada agensi berita Barat untuk mendapatkan bahan mengenai apa yang berlaku di Malaysia.

"Dalam temu bual dengan media tempatan Jepun nanti, Dr Mahathir akan dapat menjelaskan kedudukan sebenar," katanya.

Ketika ditanya tentang kebimbangan Jepun mengenai hubungan Malaysia dengan Singapura, beliau berkata ia memang dijangkakan kerana seperti di Malaysia, Jepun mempunyai pelaburan yang besar di Singapura.

"Banyak syarikat Jepun mempunyai ibu pejabatnya di Singapura dan tentunya mereka memandang berat jika wujud masalah dalam hubungan antara kedua-dua negara ini," katanya.

Khatib berkata beliau memberitahu syarikat-syarikat Jepun itu supaya menimbang untuk memindahkan ibu pejabat mereka ke Malaysia jika mereka masih ragu-ragu tentang hubungan Malaysia-Singapura di masa depan.

--BERNAMA

AU MAI